

KOPERASI PERTANIAN DALAM INDUSTRI AGROMAKANAN MALAYSIA

NOOR ZEETA MOHD RAMLI
ARFIZAWATI ABD HADI
HASLINDA SUJAK
DINO FAIZAL ABDULLAH
MOHAMMAD FATHULLAH AZNAM

Selari dengan signifikannya industri agromakanan kepada pembangunan ekonomi Malaysia, Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 menekankan sektor pertanian dan asas tani sebagai salah satu bidang keberhasilan utama gerakan koperasi di Malaysia. Industri agromakanan ditakrifkan sebagai satu set aktiviti yang menggabungkan pengeluaran dan pemasaran produk agromakanan yang merangkumi pengeluaran asas dan pemprosesan dalam subsektor pertanian iaitu ternakan, perikanan dan tanaman. Namun, selain daripada aktiviti pertanian tradisional tersebut, penternakan burung walit, akuakultur, cendawan dan sayur-sayuran organik merupakan aktiviti pertanian bernilai tinggi yang boleh diceburi oleh koperasi. Bagi meningkatkan keberhasilannya, koperasi digalakkan untuk menceburi bidang pertanian secara berskala besar serta beroperasi menerusi pakatan strategik, menguasai rantai nilai industri, dan pelaburan dalam bidang baru berteknologi tinggi.

Oleh yang demikian penyelidikan ini memperihalkan penglibatan koperasi pertanian dalam pengeluaran dan pemasaran agromakanan di Malaysia. Secara khususnya penyelidikan ini menyediakan profil koperasi pertanian yang mengeluarkan dan atau memasarkan produk agromakanan; mengenalpasti penglibatan koperasi pertanian dalam pengeluaran dan pemasaran produk agromakanan; mengetahui persepsi kepentingan konsep koperasi oleh koperasi pertanian; dan mengenalpasti hubungan antara penglibatan koperasi pertanian dalam pengeluaran, pemasaran produk agromakanan dan kepentingan prinsip koperasi serta faktor-faktor kewangan.

Setelah mengambil kira objektif dan kriteria kajian ini, jumlah populasi yang dikaji adalah 250 koperasi pertanian yang merentasi empat kluster koperasi iaitu besar, sederhana, kecil dan mikro. Walau bagaimanapun, satu koperasi contoh yang terlibat dalam industri agromakanan dijadikan sebagai kajian kes. Penglibatan koperasi ini dalam pengeluaran dan pemasaran agromakanan bagi

mencapai objektif koperasi iaitu memberikan manfaat sosio-ekonomi kepada anggotanya dikaji melalui analisis kualitatif. Manakala analisis kuantitatif pula dijalankan terhadap 118 soalselidik yang diterima dengan menggunakan statistik deskriptif, tabulasi silang, ANOVA dan korelasi.

Kajian mendapati bahawa kebanyakan koperasi fungsi pertanian yang menjalankan aktiviti agromakanan terletak di luar bandar dan berkluster mikro. Kebanyakannya beroperasi antara 16 hingga 30 tahun dan mempunyai bilangan anggota kurang daripada 100 anggota. Majoriti koperasi pertanian yang dikaji ini juga mempunyai modal dan aset dalam lingkungan kurang daripada RM500 ribu. Lebih kurang 40 peratus koperasi ini pula menyatakan pendapatan koperasi keseluruhan mahupun pendapatan daripada punca aktiviti agromakanan sahaja adalah kurang daripada RM200 ribu. Kebanyakan koperasi ini juga berada di bahagian pengeluar atau sebagai peladang dalam rantai nilai agromakanan. Koperasi hanya menguasai satu atau dua aktiviti tersebut sahaja dan masih cenderung kepada sistem rantai nilai yang bersifat tradisional serta tidak mengambil peluang untuk berkembang di sepanjang rantai nilai agromakanan ini.

Sebilangan besar koperasi yang dikaji mempunyai keluasan tanah kurang daripada 10 hektar. Walaupun terdapat kepelbagaian pengeluaran agromakanan, namun kajian mendapati 40 peratus koperasi terlibat dalam perladangan kelapa sawit. Ini diikuti dengan aktiviti tanaman kontan dan ternakan lembu. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti ladang sawit dan tanaman kontan, koperasi lebih cenderung menggunakan khidmat kontraktor luar (*outsourcing*) berbanding mengusahakan sendiri aktiviti tersebut. Majoriti koperasi mempunyai pekerja kurang daripada lima orang sama ada di bahagian pejabat, juga di bahagian operasi atau di bahagian ladang.

Pencapaian sesebuah koperasi sering diukur daripada penghasilan pengeluarannya yang mempengaruhi pendapatan secara langsung. Bagi mendalami perkara tersebut, kajian ini mendapati bahawa koperasi menitikberatkan penggunaan teknologi yang sesuai dalam aspek pengeluaran mereka. Medium peralatan seperti aplikasi internet, automasi mesin dan sistem berkomputer ada digunakan oleh koperasi. Namun begitu, koperasi pertanian masih kurang menggunakan teknologi dalam penanaman dan teknik pemprosesan produk agromakanan. Manakala daripada aspek pemasaran pula, didapati koperasi cenderung untuk terlibat dalam aktiviti memposisikan produk. Kekuatan pembuatan, pembungkusan dan jenama produk dibentuk agar dapat diterima dalam pasaran dan aspek perkhidmatan ditekankan dalam menjamin permintaan dan sambutan yang berterusan.

Prinsip koperasi yang mendapat skor paling penting adalah 'kawalan demokrasi oleh anggota'. Perkara ini tidak dinafikan kerana sudah pasti anggota sangat prihatin dengan pelaburan modal saham mereka dan pulangan dari aspek kewangan dan manfaat sosial. Terdapat juga perbezaan signifikan antara tempoh koperasi beroperasi dengan penglibatan koperasi dalam aktiviti pemasaran. Akhir sekali, wujudnya hubungan signifikan antara penglibatan koperasi dalam aktiviti pengeluaran dengan aktiviti pemasaran dan untung bersih, serta persepsi kepentingan prinsip koperasi dengan untung bersih.

Sungguhpun koperasi pertanian mempunyai potensi yang besar untuk berkembang, namun, penglibatan koperasi pertanian dalam agromakanan masih kecil di Malaysia. Elemen teknologi dalam aspek pengeluaran dan elemen produk dalam aspek pemasaran menjadi ukuran utama penglibatan koperasi dalam meningkatkan dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi pertanian. Oleh yang demikian, dengan memperkemas aspek-aspek ini serta menguasai rangkaian nilai agromakanan, hasrat DKN untuk gerakan koperasi menyumbang kepada ekonomi negara mampu dicapai.